

## FKSW UMS Lantik Mizz Nina Ikon Kemanusiaan dan Keamanan

Terakhir dikemaskini: Isnin, 22 Januari 2018 17:04 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 1507

Kongsi 496

Syorkan 496

Kongsi

Tweet

Share



**ISNIN, 22 JANUARI** – Mizz Nina atau nama sebenar Shazrina Azman dilantik menjadi Ikon Kemanusiaan dan Keamanan oleh Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Menurut Dekan FKSW, Prof. Dr. Ismail Ibrahim, pelantikan Mizz Nina sebagai ikon kemanusiaan amat bertepatan berdasarkan perjuangan beliau yang berterusan bagi menegakkan hak kemanusiaan di seluruh dunia khususnya mereka yang dilanda musibah.

“Pelantikan Mizz Nina ini diharap dapat memberi suntikan semangat kepada para pelajar untuk menyertai lebih banyak aktiviti kemanusiaan di luar sana,” katanya ketika ditemui media selepas penyampaian watak pelantikan tersebut.

Penyampaian watak telah disempurnakan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Prof. Datuk Dr. D Kamarudin turut melahirkan rasa bangga dengan pelantikan itu sambil menyatakan ia mampu membangkitkan lagi semangat mahasiswa di UMS untuk lebih cenderung mengadakan aktiviti kemasyarakatan.

Turut hadir, Pendaftar UMS, No'man Hj. Ahmad; Bendahari UMS, Zallifah Shadan; dan Ketua Pustakawan UMS, Dg. Rukiah Ag. Amit.